

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 28 JULAI 2023
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 5

Golongan M40 tidak diabaikan

Belanjawan 2023
ambil kira golongan
berpendapatan
sederhana

Oleh RAJAH MOHD SANUSI
SHAH ALAM

Kerajaan tidak mengabaikan golongan berpendapatan sederhana (M40) kerana banyak inisiatif di bawah Belanjawan 2023 disalurkan kepada mereka bagi meningkatkan beban kenaikan kos sara hidup dan ketidakstabilan nilai ringgit ketika ini.

Secara umumnya, golongan M40 terdiri dalam kalangan isi rumah berpendapatan antara RM4,851 sehingga RM10,970 sebulan.

Antara inisiatif yang diadakan menerusi Belanjawan 2023 adalah pertambahan pendapatan boleh guna sehingga RM1,300 kerana kerajaan mengurangkan kadar cukai pendapatan individu.

Kerajaan telah mengurangkan kadar cukai pendapatan individu, pemastautin sebanyak dua mata peratusan bermula tahun ini membatikin setiap banjaran pendapatan lebih RM35,000 hingga RM100,000.

Bagi inisiatif pengurangan kadar cukai pendapatan individu, ia dinikmati secara terus setiap bulan oleh kira-kira 2.4 juta pembayar cukai kerana pendapatan bercukai yang dipotong mengikut kadar bahanai.

Golongan M40 juga turus menikmati tarif elektrik yang dikenakan atau disubsidi berbeza dengan rumah yang menggunakan elektrik tinggi kerana kadarnya mengikut harga pasaran.

Selain itu, keputusan kerajaan menaikkan had pendapatan bulanan isi rumah penjawat awam daripada RM5,000 kepada RM7,000 untuk yang layak menerima subsidi yuran taska sebanyak RM180 sebulan, membolehkan lebih ramai ibu bapa kategori M40 menerima manfaat.

Kerajaan turut menghulurkan bantuan bagi mengelakkan kaum



wanita termasuk golongan M40 berhenti kerja selepas tempoh cuti bersalin untuk menjaga anak-anak kerana kos penjagaan kanak-kanak yang tinggi.

Bantuan itu dari segi pindahan

Akta Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) untuk membolehkan pemberian geraan bersamaan 80 peratus daripada nilai gaji yang dimursukan pekerja.

Tidak terkecuali, golongan M40 juga memperoleh satu lagi penjimatan kerana kerajaan menaikkan had pelapeasan cukai ke atas perbelanjaan rawatan perburuan daripada RM8,000 kepada RM10,000 bagi tahun taksiran 2023.

Skop pelapeasan itu juga

diperluaskan meliputi kos rawatan pemulihran bagi enak kurang upaya pembelajaran seperti autisme,

sindrom Down dan masalah pembelajaran tertentu (*specific learning disabilities*) dengan had maksimum sebanyak RM4,000.

Selain itu, kerajaan turut menyediakan pas bulanan My50 untuk 30 hari perjalanan tanpa had di bawah Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) untuk memberi manfaat kepada hampir 180,000 pengguna.

Pas ini boleh dibeli di Pejabat Khidmat Pelanggan Rapid KL di semua stesen LRT, MRT dan monorel.

Inisiatif berbaloi

Pengaruh Ekonomi Putra Malaysia, Profesor Madya, Dr Ahmed Razman Abdul Latiff menyifatkan, semua inisiatif yang dibenarkan kerajaan itu membantu meningkatkan pendapatan dan mengurangkan perbelanjaan isi rumah M40.

"Contohnya pengurangan cukai yang membolehkan golongan ini mempunyai lebihan pendapatan."

"Keputusan kerajaan mengelakkan tarif elektrik bagi pengguna domestik pula dapat memastikan golongan M40 tidak terbebani dengan elektrik tinggi sehingga akhir tahun ini," katanya.

Ahmed Razman menjelaskan bahawa apa sahaja inisiatif yang meningkatkan pendapatan dan mengurangkan perbelanjaan akan mampu membantu setiap isi rumah memikati kualiti hidup lebih baik.

Katanya, kualiti hidup akan memberi impak positif bukan sahaja kepada ekonomi isi rumah M40 tetapi juga dari segi kesihatan mental sekali gus menjadikan mereka lebih positif dan produktif.

Justeru itu, beliau menyeru golongan M40 bahawa mereka perlu sentiasa meningkatkan kemahiran dan pengetahuan untuk terus melanjutkan lagi pendapatan mereka seliring dengan usaha yang dilakukan kerajaan.

"Segala peluang dan kemudahan yang disediakan kerajaan harus digunakan sebaiknya kerana kita tidak muh golongan M40 ni terjerat dalam perangkap gaji pertengahan," ujarnya.

Layari belanjawan.mof.gov.my/ manfaat untuk mengetahui lebih lanjut cara untuk mendapatkan inisiatif ini dan meneroka lebih banyak peluang yang ditawarkan kerajaan kepada rakyat.

“
Keputusan kerajaan mengelakkan tarif elektrik bagi pengguna domestik pula dapat memastikan golongan M40 tidak terbebani dengan elektrik tinggi sehingga akhir tahun ini.”

- Profesor Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff

REAKSI

“
"Semua inisiatif ini beri rasa tambah kepada pendapatan boleh guna saya dan hasil penjimatan ini saya guna untuk tempur belanja keperluan harian seperti barang dapur dan bayar yuran tasyen onok."

- Guru, Che Kamarudin Ya.




“
"Pengurangan cukai subsidi elektrik dan subsidi yuran tasik banyak membantu saya berimat. Jadi saya boleh guna untuk cunum insurans, beli peralatan sekolah dan bahan bantu mengajar yang lain."

- Guru, Idayu Suraya Salleh.



“
"Lagi sebab pengurangan cukai pendapatan memberikan saya lebih wangi untuk mendudung. In iorot saya sezfokan payung sebelum bujan memandangkan keadaan ekonomi yang masih tidak stabil."

- Wartawan, Lew I-Ling.



“
"Syukurullah sebab M40 tidak dipinggirkan. Banyak juga kami dapat manfaat daripada Belanjawan 2023 termasuk pos bulanan My50 yang beri lebih nilai kepada wong kom."

- Penyelia Tapak Projek, Asri Jaafar.



“
"Wong lebihan daripada pengurangan cukai pendapatan setiap bulan saya guna untuk bayar bil air, elektrik dan telefon. Semua bil itu kalau dikumpulkan setiap bulan rotson ringgit juga jumlahnya."

- Pensyarah, Muizir Salim.

